

PERSEPSI KAUM TIONGHOA DAN PERIBUMI
TERHADAP INTERAKSI KOMUNIKASI ANTARA
BUDAYA DI SUMATERA UTARA:
SATU KAJIAN KES DI BANDAR MEDAN

oleh

LUSIANA ANDRIANI LUBIS

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

Januari 2011

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini merupakan karya yang saya kerjakan sendiri,
kecuali nukilan pendapat dan data yang tiap-tiap satunya
telah saya cantumkan sumbernya.

31 Januari 2011

Lusiana Andriani Lubis

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat-Nya dan hidayah-Nya kepada penulis sehingga boleh melanjutkan pengajian ke peringkat Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia dan menyelesaikan tesis ini. Selawat serta salam sentiasa dicurahkan ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW yang telah membimbing manusia menjadi insan yang beriman dan beramal soleh.

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada yang dihormati Prof. Madya Haji Mohamad Md. Yusoff selaku penyelia utama penulis. Beliau tanpa berasa jemu telah banyak mencurahkan perhatian dengan memberikan bantuan, bimbingan dan selalu meluangkan masa untuk bertukar-tukar fikiran untuk kesempurnaan tesis ini. Tidak lupa juga penulis ucapkan terima kasih kepada Dekan Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia Prof. Madya Adnan Hussein dan kepada Timbalan Dekan Hajah Puan Hamidah Abd. Hamid yang banyak memberikan arahan dan nasihat sejak penulis memulakan pengajian sehingga penulis melakukan penyelidikan. Semoga Allah SWT melimpahkan barakah, pahala dan kebahagiaan dunia dan akhirat kepada semuanya.

Ucapan terima kasih juga penulis tujukan kepada Naib Canselor USM, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan juga semua pensyarah di Pusat Pengajian Komunikasi USM yang telah memberikan masukan dan arahan, khususnya ketika penulis melakukan pembentangan proposal kajian ini. Rakaman terima kasih juga disampaikan kepada Prof Madya Mohammad Zin Nordin atas segala buah fikiran dan motivasi yang diberikan kepada penulis pada awal pengajian dijalankan. Sererusnya, rakaman terima kasih penulis sampaikan kepada Rektor dan Timbalan Rektor Universiti Sumatera Utara (USU) serta Dekan Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (FISIP USU) yang telah menyokong penulis untuk melanjutkan pengajian di USM. Terima kasih juga penulis sampaikan kepada semua rakan sejawat di Departemen Ilmu Komunikasi FISIP USU, *Civitas Akademika* FISIP USU dan Universiti Sumatera Utara, Ikatan Alumni Universiti Sains Malaysia Sumatera Utara dan lain-lain pihak yang tidak dapat disebutkan satu persatu yang telah ikut mendoakan penulis dalam menjalankan pengajian di Universiti Sains Malaysia.

Salam penuh kasih dan takzim kepada keluarga tercinta, khususnya kepada suami Haji Drg. Muhammad Iqbal Siregar, ibunda Hajah Rosmaniar dan ibunda Rohani Hasibuan atas segala doa, kasih sayang, pengorbanan dan semangat yang diberikan kepada penulis sehingga penulis dapat menyelesaikan pengajian S3 ini. Kepada almarhum ayahanda Haji Zainal Arifin Lubis dan almarhum ayahanda Haji M. Nur Siregar, semoga Allah memberikan keampunan atas segala dosa, kelapangan kubur dan menempatkan kedua-duanya di sisi-Nya atas amal jariah yang tidak pernah putus dalam memotivasikan anakanda supaya menuntut ilmu pengetahuan yang bermanfaat.

Rakaman kasih dan sayang kepada cahaya mata iaitu, Muhammad Andrizal Siregar, Ilma Muzfirah Siregar dan Rifqi Ansari Siregar, atas sokongan semangat dan pengorbanan anakanda kepada bonda sehingga bonda dapat menyelesaikan pengajian S3 ini. Semoga apa-apa sahaja yang bonda lakukan ini menjadi contoh kepada anakanda untuk mempunyai semangat dan cita-cita yang tinggi dalam menuntut ilmu pengetahuan. Seterusnya kepada seluruh keluarga, baik daripada pihak penulis mahupun suami yang penulis sayangi, terima kasih atas sokongan dan semangat yang diberikan. Semoga segala yang telah penulis rintis ini menjadi motivasi kepada seluruh keluarga khususnya kepada anak-anak yang masih dan akan melalui jalan yang panjang dalam menuntut ilmu pengetahuan.

Akhirnya, penulis memohon ke hadrat Allah SWT semoga segala bantuan budi baik tuan-tuan, puan-puan, ahli keluarga, sahabat, para informan dan semua pihak yang telah berperanan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah SWT. Tiap-tiap kelemahan datangnya daripada penulis dan segala kelebihan tesis ini datangnya daripada Allah SWT. Semoga Allah tetap menjaga kita dan melimpahkan rahmat, kasih dan sayangnya kepada kita semua. *Amin Ya Rabbalalamin.*

Pulau Pinang, 31 Januari 2011

Hajah Lusiana Andriani Lubis

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	Pengakuan	i
	Penghargaan	ii
	Kandungan	iv
	Senarai Jadual	ii
	Senarai Rajah	Vii
	Senarai Peta	Viii
	Senarai Akronim	Ix
	Abstrak	X
	Abstract	Xi
	BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.0	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Masalah	2
1.2	Pernyataan Masalah	10
1.3	Persoalan Kajian	15
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Kepentingan Kajian	16
1.6	Batasan Kajian	17
1.7	Ringkasan Bab	18
	BAB 2 POSISI KAUM TIONGHOA DI INDONESIA DAN LOKASI PENYELIDIKAN	20
2.0	Pengenalan	20
2.1	Awal Kedatangan Kaum Tionghoa di Indonesia	20
2.2	Punca Rasialisme di Indonesia	25
2.3	Dasar Pemerintah Berkenaan Kaum Tionghoa di Indonesia	30
2.4	Hubungan Pelbagai Kaum dan Budaya di Indonesia	37
2.5	Gambaran Sumatera Utara dan Perkembangan Bandar Medan Sebagai Lokasi Penyelidikan	42
	BAB 3 KAJIAN LEPAS DAN TINJAUAN TEORI	49
3.0	Pengenalan	49
3.1	Kajian Lepas	49
3.2	Komunikasi Antara Budaya	61
	3.2.1 Latar Belakang Teori	62
	3.2.2 Pengertian Komunikasi Antara Budaya	69
3.3	Persepsi Budaya	76
3.4	Elemen-elemen yang Membentuk Persepsi Budaya	78
	3.4.1 Pandangan Dunia	80
	3.4.1(a) Agama atau Kepercayaan	82
	3.4.1(b) Nilai-nilai Budaya	85
	3.4.1(c) Perilaku	88

	3.4.2 Sistem Kod	91
	3.4.3 Organisasi Sosial	94
3.5	Dasar Pemerintah dalam Hubungannya dengan Kewarganegaraan Tionghoa di Indonesia	100
3.6	Kerangka Konsep	105
3.7	Kerangka Analisis	107
3.8	Andaian-andaian	107
	BAB 4 KAEDAH PENYELIDIKAN	110
4.0	Pengenalan	110
4.1	Kaedah Kajian	110
4.2	Populasi	116
4.3	Unit Analisis	123
4.4	Masa Penyelidikan	124
4.5	Definisi Operasional	128
4.6	Pengumpulan Data	132
	4.6.1 Teknik Pengumpulan Data	132
	4.6.1(a) Temubual bersemuka secara terperinci	133
	4.6.1(b) Pemerhatian	137
	4.6.1(c) Analisis Arkib	138
	4.6.2 Proses Pengumpulan Data	138
4.7	Pengolahan Data dan Analisis	140
	BAB 5 PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	143
5.0	Pengenalan	143
5.1	Penemuan data Informan dan Perbincangan	144
	5.1.1 Agama/Kepercayaan	144
	5.1.1(a) Penemuan data	144
	5.1.1(b) Perbincangan	149
	5.1.2. Nilai-nilai Budaya	153
	5.1.2(a) Penemuan data	153
	5.1.2(b) Perbincangan	157
	5.1.3 Perilaku	162
	5.1.3(a) Penemuan data	162
	5.1.3(b) Perbincangan	168
	5.1.4 Peranan Keluarga	171
	5.1.4(a) Penemuan data	171
	5.1.4(b) Perbincangan	174
	5.1.5 Peranan Institusi Pendidikan	176
	5.1.5(a) Penemuan data	177
	5.1.5(b) Perbincangan	179

5.1.6	Bahasa Lisan	182
	5.1.6(a) Penemuan Data	183
	5.1.6(b) Perbincangan	186
5.1.7	Dasar Pemerintah	189
	5.1.7(a) Penemuan Data	190
	5.1.7(b) Perbincangan	195
	BAB 6 PENUTUP	201
6.0	Pengenalan	201
6.1	Rumusan Hasil Penyelidikan	202
6.2	Implikasi Penyelidikan	204
	6.2.1 Implikasi Teoritikal dan Akademik	204
	6.2.2 Implikasi Praktikal	209
6.3	Cadangan Penyelidikan	214
	BIBLIOGRAFI	216
	LAMPIRAN: Temubual Terhadap 36 Orang Informan	231

SENARAI JADUAL

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
Jadual 4.2	Bancian Jumlah Penduduk Bandar Medan	118
Jadual 4.3	Bancian Kaum Tionghoa di Bandar Medan, Sumatera Utara	119
Jadual 4.3	Data Para Informan Penyelidikan	125

SANARAI RAJAH

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 3.1	Proses Komunikasi Antara Budaya.	74
Rajah 3.2	Kerangka Analisis	107
Rajah 4.1	Perbandingan Penyelidikan Kuantitatif dan Kualitatif	113
Rajah 4.6	Ubah Suai Pengolahan Data dan Analisis	142

SENARAI PETA

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
Peta 4.1	Peta Bandar Medan, Sumatera Utara	120
Peta 4.2	Peta Kawasan Sukaramai, Kaum Tionghoa Medan	121
Peta 4.3	Peta Kawasan Pulau Brayan, Kaum Tionghoa Medan	121

SENARAI AKRONIM

ATM	:	Mesin Cetak Wang
BPS	:	Balai Pusat Statistik
DPD RI	:	Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia
DPR RI	:	Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia
DPRD TK I	:	Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Tingkat I (Propinsi)
DPRD TK II	:	Dewan Perwakilan Rakyat Daerah Tingkat II (Kabupaten)
GOLKAR	:	Parti Golongan Karya
HPMTI	:	Himpunan Pembauran Muslim Tionghoa Indonesia
IMLEK	:	Hari Raya Tionghoa
KEPRES	:	Keputusan Presiden
LSM	:	Lembaga Swadaya Masyarakat
MES	:	Medinah Ekonomi Syariah
MMA	:	Membidang Metropolitan Area
NKRI	:	Negara Kesatuan Republik Indonesia
PITI	:	Persatuan Islam Tionghoa Indonesia
PKI	:	Parti Komunis Indonesia
PGRS	:	Pasukan Gerilyawan Rakyat Sarawak
PERDAH	:	Peraturan Daerah
KTP	:	Kartu Tanda Penduduk/ Kad Pengenal
PPP	:	Parti Persatuan Pembangunan
PDI	:	Parti Demokrasi Indonesia
PMP	:	Pendidikan Moral Pancasila
RRC	:	Republik Rakyat Cina
SMP	:	Sekolah Menengah Pertama
SMA	:	Sekolah Menengah Atas
SKBRI	:	Surat Keterangan Berkewarganegaraan Republik Indonesia
SIM	:	Surat Izin Mengemudi
SIMB	:	Surat Izin Mendirikan Bangunan
UU	:	Undang-undang
UUD	:	Undang-undang Dasar
WWW	:	World Wide Web

PERSEPSI KAUM TIONGHOA DAN PERIBUMI TERHADAP INTERAKSI
KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI SUMATERA UTARA:
SATU KAJIAN KES DI BANDAR MEDAN

ABSTRAK

Permasalahan kajian ialah faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi budaya kaum Tionghoa dan peribumi terhadap interaksi komunikasi antara budaya di Indonesia, khususnya di bandar Medan Negeri Sumatera Utara. Tujuan penyelidikan untuk mengenal pasti sama ada pandangan dunia seperti agama/kepercayaan, nilai-nilai dan perilaku, organisasi sosial seperti keluarga, pendidikan dan dasar pemerintah serta bahasa mempengaruhi persepsi budaya kaum Tionghoa dan peribumi dalam interaksi komunikasi antara budaya. Penyelidikan ini menggunakan kaedah deskriptif kualitatif melalui pendekatan fenomenologi dan postpositivis yang bertujuan memperihalkan pelbagai situasi atau realiti sosial yang berlaku terhadap kaum Tionghoa dan peribumi di bandar Medan. Penyelidikan dibuat dalam bentuk kajian kes dengan teknik persampelan 'bola salju' kerana mampu menyoal para informan secara mendalam. Selain itu, penyelidik mengadakan pemerhatian dan analisis arkib yang berhubung kait dengan penyelidikan ini. Analisis data ditulis dalam bentuk naratif induktif iaitu kes demi kes berasaskan kategori yang telah dirumuskan. Hasil penting penyelidikan: 1) Agama/kepercayaan merupakan satu yang hak dan tidak dapat dipaksa. Namun dalam satu jangka masa melalui perhubungan komunikasi antara budaya yang berterusan antara kaum akan meningkatkan persepsi budaya dan kualiti beragama di Medan. 2) Nilai-nilai budaya mengubah persepsi budaya melalui interaksi komunikasi antara budaya yang berterusan dengan perkongsian pengalaman budaya setiap kaum. 3) Apabila komunikasi antara budaya dilakukan secara berterusan antara kaum, ia mendorong perilaku individu menjadi positif dan sekaligus persepsi terhadap individu lain. 4) Melalui komunikasi antara budaya yang berterusan dalam keluarga dijangkakan boleh mengubah persepsi budaya kaum Tionghoa dan peribumi di Medan yang semulajadi ke arah perilaku perhubungan yang harmoni. 5) Sekolah berperanan mengubah persepsi budaya dalam usaha meningkatkan keberkesanan komunikasi antara budaya kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan menjadi masyarakat pelbagai budaya. 6) Keragaman bahasa di Medan menjadi ia unik dan bahasa bukanlah sesuatu hal yang perlu dijadikan masalah asalkan pihak-pihak yang berkomunikasi berasa selesa dan faham akan mesej yang disampaikan. 7) Dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah Indonesia jika dilakukan secara berterusan dapat mengubah persepsi budaya antara kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan sehingga komunikasi antara budaya menjadi semakin berkesan.

PERCEPTION OF CHINESE AND NATIVES TOWARDS INTERCULTURAL
COMMUNICATION INTERACTION IN NORTHERN SUMATERA:
A CASE STUDY IN MEDAN

ABSTRACT

The researcher hoped to examine factors that influence the perceptions of the Chinese and the natives towards intercultural communication in Indonesia, especially in Medan, a city in Northern Sumatera. The objective of this study was to identify whether or not the world views such as religion/beliefs, values and behaviour, social organization such as family, education and government policies, as well as language, do influence the perceptions of the Chinese and the natives in intercultural communication. This case study used the descriptive qualitative method employing phenomenology and postpositivisme to describing and summarising various situations, settings or social realities that exist within the Chinese or the native societies in Medan. The sampling technique used was snowball sampling, in order to seek informants' narrative. Besides, observations and archival research was also employed. The data analysis was written in the form of inductive narrative, that is, case by case based on the categories formulated. The findings of this study are as follows; 1) Religion/beliefs are the rights of the people and cannot be imposed on them. However within a certain period, cultural perceptions could be influenced and shaped by continuous intercultural communication that will enhance understanding and improve religious tolerance in Medan. 2) Cultural values are inclined to change the cultural perceptions through continuous intercultural communication through the sharing of cultural experiences. 3) When intercultural communication occurs continuously, their cultural perceptions are likely to be changed and this communication is inclined to change an individual's behaviour from the negative to the positive in making opinions of others. 4) Through continuous intercultural communication within family members, the cultural perceptions of the Chinese and the natives in Medan are expected to change from the adverse normal relationship into a harmonious relationship. 5) School have a role to change the cultural perception in enhancing the effectiveness of intercultural communication between the Chinese and the natives in Medan in order to produce a multicultural society. 6) The variety of languages has made Medan a unique city and language is not something to be raised as a question as long as those speakers who are communicating feel comfortable and understand the messages conveyed. 7) Policies were continuously made by the Indonesian Government, so that cultural perceptions of the Chinese and the natives in Medan can be changed and consequently will result in the effectiveness of intercultural communication.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Negara Indonesia terdiri daripada pelbagai kaum dengan pengalaman budaya yang melatarbelakanginya. Dalam aktiviti berkomunikasi, setiap orang sama ada daripada kaum Tionghoa¹ atau peribumi² turut membawa latar belakang budayanya dan mempunyai persepsi budaya yang berbeza-beza terhadap kaum lain kerana pandangan dunia yang telah terbentuk sebelumnya. Hal tersebut juga berlaku di Indonesia sebagai akibat daripada proses budaya sehingga sistem pemerintahan Indonesia dari masa ke masa dalam mengamalkan polisi tertentu kepada mana-mana kaum kerana realiti di Indonesia yang sendiri berbilang kaum.

Banyak arkib sama ada buku, majalah mahupun akhbar di Indonesia dan di luar negara merakamkan bahawa pengamalan sistem dasar pemerintahan Indonesia berlangsung dari masa ke masa (bermula pada zaman penjajahan kolonial Belanda sehingga bertukar beberapa orang Presiden), dengan sengaja atau tanpa disengajakan menyebabkan diskriminasi sosial, politik, undang-undang dan ekonomi berlaku kepada masyarakat Indonesia, terutamanya golongan minoriti seperti kaum Tionghoa.

¹ Tionghoa ialah sebutan pada masyarakat kaum Cina di Indonesia. Untuk keseluruhan tesis ini, kata 'Tionghoa = Cina.

² Peribumi ialah sebutan pada masyarakat Indonesia peribumi tempatan. Peribumi=Bumiputera

Keadaan ini juga telah menimbulkan prasangka sosial yang bersifat negatif dan menghalang interaksi komunikasi antara budaya iaitu antara masyarakat kaum Tionghoa dengan peribumi Indonesia seperti halnya yang berlaku di bandar Medan, Sumatera Utara. Fenomena ini menjadi suatu isu yang menarik pada penulis untuk diterokai dalam sorotan komunikasi antara budaya.

Perbincangan tersebut dihuraikan dalam latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.

1.1 Latar Belakang Masalah

Indonesia ialah sebuah negara yang terdiri daripada 13,000 buah pulau besar dan kecil. Penduduk Indonesia terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan, termasuklah golongan asing Eropah mahupun Timur Asia. Indonesia terbahagi kepada 30 buah Negeri yang mengandungi lebih daripada 300 buah bandar dan Daerah. Keluasan kawasan lebih kurang 5,193,250 km², yang terdiri daripada 2,027,087 km² daratan dan lebih daripada 3.1 juta km² kawasan perairan. Bilangan penduduknya seramai lebih daripada 200 juta orang yang memiliki 300 kaum dan 650 dialek bahasa tempatan. Selain kepelbagaian kaum dan budaya, terdapat juga kepelbagaian agama, bahasa dan adat istiadat (Subanindyo, 2006: 1).

Sejak masyarakat Tionghoa berada di Indonesia pada abad ke-7 hingga abad ke-15, - antara kaum Tionghoa dengan peribumi hidup bersama dengan harmoni dan tidak ada prasangka ras (Siauw Tiong, 1998: 9). Komuniti dan masyarakat tempatan yang majoriti dan dominan menekankan penggunaan prinsip “di mana bumi dipijak

di situ langit dijunjung” sebagai sesuatu yang harus dijadikan pedoman oleh para pendatang. Kaum Tionghoa yang telah dan terus datang selama berabad-abad ke pelbagai destinasi di Indonesia dikelompokkan sebagai tetamu. Pada waktu itu juga konflik budaya antara kaum tempatan (peribumi) dengan kaum Tionghoa tidak pernah berlaku dan hubungan perkahwinan juga turut mengubah status tetamu menjadi kerabat. Hal ini memungkinkan keturunan tersebut juga mempunyai hak terhadap tanah daripada kumpulan kerabat setempat.

Keadaan ini dapat dilihat di kawasan Singkawang Kalimantan Barat, mereka merupakan komuniti yang berdikari berdasarkan perkauman dan daerah asal mereka di China. Mereka menjalinkan hubungan yang baik dengan masyarakat sekeliling, kesultanan Sambas dan masyarakat Dayak. Namun apabila penjajahan Belanda bermula dan perjalanan masa dengan peraturan kewarganegaraan yang berlaku terhadap kaum Tionghoa, juga berlaku di Singkawang yang sekarang kumpulan Tionghoa seperti tetamu di wilayah orang Melayu dan Dayak (Suparlan, 2003: 27-28 ; Siauw Tiong, 1998: 9).

Bermula dengan kemasukan Belanda pada abad ke-16 dan penjajahan yang berlangsung selama 350 tahun, kaum Tionghoa dijadikan perisai/kambing hitam dalam menghadapi kemarahan rakyat (peribumi) di seluruh Indonesia. Secara ringkas, sebagai kesan daripada tindakan Belanda tersebut, terdapat ratusan daerah pemukiman kumpulan kaum Tionghoa yang disebut ‘ kawasan Pecinan’, secara bergenerasi bermukim keturunannya di Indonesia. Hal ini menjadi suatu tanda bahawa hadirnya kawasan tersebut bukanlah semata-mata kehendak daripada masyarakat kaum Tionghoa melainkan impak daripada sistem penjajah. Masyarakat

Indonesia menjadi berkumpulan dan kaum Tionghoa dipisahkan daripada peribumi. Status undang-undangnya dan juga sekolah-sekolah dibezakan. Kemiskinan rakyat Indonesia sebagai impak daripada sistem penjajahan disalahkan pada kaum Tionghoa.

Sebagai ekoran daripada fenomena di atas, ada antara kaum Tionghoa dengan peribumi saling dihasut untuk dibenci dan membenci sehingga memunculkan benih-benih perkauman dalam kedua-dua kaum tersebut. Hal ini kelihatan pada masa revolusi 1945-1949, Belanda selalu menggunakan masyarakat Tionghoa sebagai alat untuk memecahbelahkan (politik belah buluh) masyarakat dan sebagai alasan untuk merosakkan martabat Republik Indonesia yang masih muda pada mata dunia (Siauw Tiong, 1998: 8-15).

Pada masa pemerintahan Presiden Soeharto atau dikenali masa Orde Baru berkuasa, kaum Tionghoa dikhaskan dalam bidang perniagaan/ekonomi dan hampir tidak ada yang berperanan dalam bidang politik, ketenteraan serta birokrasi. Impak pembatasan gerak tersebut memunculkan bentuk-bentuk eksklusif seperti jaringan perniagaan yang tertutup, sekolah Tionghoa yang khas untuk mereka sahaja, kawasan Tionghoa berkumpul dan lain-lain. Bahkan perilaku-perilaku yang anarki muncul seperti kaum Tionghoa dijadikan 'kambing hitam' (Shio Kambing) apabila terjadi rusuhan sosial. Kaum Tionghoa dikhaskan untuk berniaga namun sebenarnya kaum Tionghoa tidak pernah diposisikan untuk menjadi pengusaha yang tetap melainkan secara sengaja ataupun tidak sengaja sebagai 'alat perahan' (Shio Lembu).

Kesan daripada itu, masyarakat pelbagai kaum yang kuat dari segi sosialnya menjadi rapuh. Hal ini dapat dilihat daripada perlakuan sosial, politik dan ekonomi oleh masyarakat tempatan terhadap pelbagai kaum. Ia merupakan tindakan-tindakan diskriminasi daripada yang paling ringan (seperti peribumi tetapi tidak peribumi tempatan) hingga kepada yang paling berat (seperti orang Tionghoa yang digolongkan sebagai asing)³. Selain itu, ideologi masyarakat secara sedar ataupun tidak sedar menjadi asas kegiatan dalam sistem nasional. Seperti halnya ideologi Tionghoa secara perkauman adalah 'asing' lebih dominan dibandingkan dengan kenyataan bahawa kaum Tionghoa telah menjadi warganegara Indonesia. Walhal, meskipun kaum Tionghoa sudah menjadi warganegara Indonesia tetapi masih juga didiskriminasikan secara undang-undang dan secara sosiobudaya masyarakat tempatan (Suryadinata, 2003: 1-11).

Menurut pandangan beberapa pakar, berlakunya kes diskriminasi dan pertembungan antara kaum itu bermula daripada persoalan perbezaan pandangan atau cara mentafsirkan mesej yang menyebabkan prasangka sosial dan juga diburukkan lagi dengan kegawatan ekonomi Indonesia. Walhal, pada bulan Mei 1998, tidak dapat dihentikan gerakan massa yang mengamuk dengan menasarkankan masyarakat kaum Tionghoa kerana dianggap sebagai pendatang lebih sejahtera berbanding peribumi sebagai penduduk asal. Pada akhirnya merebak kepada

³ Konsep penduduk peribumi untuk pertama kalinya diperkenalkan dalam masa penjajahan dan kini sudah berakar-umbi. Penduduk peribumi bererti mereka yang telah menduduki tanah sebelum penjajahan oleh Barat. Kumpulan-kumpulan penduduk peribumi tersebut menganggap diri mereka sebagai bumiputera dan oleh sebab itu, mereka menikmati hak-hak yang lebih daripada pendatang baru iaitu kumpulan imigran. Semua Indonesia dianggap kumpulan penduduk peribumi, kecuali kaum Tionghoa dianggap migran, dan hal ini diterima sebagai suatu kebenaran oleh kumpulan penduduk peribumi. Transmigran dianggap sebagai penduduk tidak peribumi tempatan dan mereka terkena diskriminasi sosial. Masalah ini memperkuat bahawa hal ini bukan hanya terjadi dengan kaum Tionghoa sahaja tetapi juga dengan sesama kaum peribumi.

persoalan kaum, agama, ras dan antara Golongan (SARA). Hal ini kerana etnosentrisme merupakan pandangan atau sikap yang percaya bahawa golongan atau kebudayaan kaum sendiri lebih unggul daripada golongan atau kebudayaan kaum lain terutamanya peribumi yang terdiri daripada pelbagai kaum (Suryadinata, 2003; Tan, 2004).

Punca kekacauan pada bulan Mei 1998 menjadi asas kaum Tionghoa menuntut penghapusan peraturan perundangan yang bersifat diskriminatif dan untuk mengembalikan peranan politik setelah penindasan selama lebih tiga puluh tahun. Keadaan kacau ditambah suasana penuh permusuhan dan amarah terhadap kaum Tionghoa yang dimanifestasikan dengan cara merogol perempuan Tionghoa yang berasa dirinya terlalu superior untuk mengkahwinkan anak perempuannya dengan laki-laki peribumi. Dapat dipastikan bahawa pelaku-pelaku melakukannya tanpa rasa malu atau takut terhadap keritikan masyarakat yang bersimpati terhadap para mangsanya.

Ada tiga buah artikel menarik mengenai kekejaman Mei 1998 yang terbit pada tahun 2000 dan 2001. Pertamanya ditulis oleh Ariel Heryanto dengan tajuk "*Perkosaan Mei 1998*", yang bercerita mengenai sebab-sebab, proses, serta akibat peristiwa Mei 1998, yang amat provokatif terhadap peranan pemerintah dan kaki tangannya dalam serangan seksual serta perogolan massal perempuan Tionghoa. Berikut tulisan Rene Pattiradjawane yang bertajuk "*Peristiwa Mei 1998 di Jakarta: Titik Terendah Sejarah Orang Etnis Cina di Indonesia*" dalam I. Wibowo (ed). 2000. *Harga Yang Harus Dibayar, Sketsa Pergaulan Etnis Cina di Indonesia, Jakarta : Gramedia*. Dalam buku tersebut merupakan kisah yang teliti dan mendalam

mengenai jalannya peristiwa Mei 1998. Ketiganya tulisan Parsudi Suparlan yang bertajuk "*Konflik Etnik dan Agama di Indonesia*", dalam *Kultur Jilid 1, Nomor 2 tahun 2001*. Meskipun tulisan ini merupakan pembahasan tentang gejala yang lebih luas dari konflik antara kaum dan antara agama di Indonesia, namun pada bab tertentu ada membahas tentang keterbabitatan langsung kaki tangan pemerintah sebagai pelaku serangan seksual dan perogolan beramai-ramai terhadap perempuan Tionghoa.

Sepertimana yang diperakukan oleh Aguilar (2001), bahawa "menghilangkan kebiasaan lama dan peraturan perundangan yang bersifat diskriminatif dan beban masa lalu masih membebankan keadaan kaum Tionghoa". Beliau selanjutnya menyatakan:

"Perasaan anti-Cina melayang-layang sebagai unsur asas dalam identiti nasional Indonesia. Kehadiran orang Cina memperkuat pengakuan peribumi atas keperibumian, mengaburkan struktur kelas, membingungkan dan mengangkat citra diri peribumi. Dengan mengisyaratkan bahawa orang Cina Indonesia secara ideologi dikonsepsikan sebagai orang tanpa sejarah'. Ia mengajukan hujahan bahawa mereka harus dipandang sebagai orang yang bergerak sepanjang sejarah. Sejarah yang terikat dan tidak dapat melepaskan diri daripada sejarah Indonesia apabila mereka mahu diterima sebagai sebahagian bangsa terpadu (Aguilar, 2001: 527)".

Berikut ada satu rumusan baru daripada pakar-pakar antropologi yang diasaskan oleh Parsudi Suparlan dalam tulisannya yang bertajuk "*Indonesia Baru Dalam Perspektif Pelbagai Budaya*", beliau menyatakan bahawa untuk menyatukan masyarakat Indonesia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya termasuk kaum Tionghoa yang memang disahkan kewujudannya sebagai warga Indonesia bertujuan menghindari konflik yang berpanjangan pada masa akan datang. Hal ini juga merupakan satu daripada cita-cita reformasi (rombakan aturan kehidupan baru) yang pada mulanya bercorak masyarakat majmuk kepada corak masyarakat

Indonesia yang Bhineka Tunggal Ika⁴ dengan kepelbagaian kebudayaan yang ada dalam masyarakat Indonesia (*Akhbar Media Indonesia*, 10 Desember 2001).

Menurut Parsudi Suparlan (2001), konsep utama wujudnya masyarakat Indonesia yang pelbagai budaya ialah kepelbagaian budaya. Kepelbagaian budaya ialah sebuah ideologi yang mengakui dan mengagungkan perbezaan darjat baik secara individu mahupun secara kebudayaan. Amalan kepelbagaian budaya ini telah sedia ada dalam Fasal 32 Undang-Undang Dasar (UUD) 1945 iaitu isinya berbunyi kebudayaan Indonesia adalah puncak-puncak kebudayaan di daerah.

Oleh yang demikian, konsep-konsep tentang penduduk peribumi Indonesia yang disebut peribumi secara kebudayaan⁵ dan penduduk migran yang telah bermukim dari generasi ke generasi (*cultural boundaries*) di pelbagai kawasan Indonesia seperti Tionghoa, Arab, India, Pakistan dan lain-lain yang disebut bukan peribumi secara kebudayaan⁶, merupakan suatu kesatuan masyarakat Indonesia yang akan memperkuat penyatuan dan kesatuan dalam Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI). Hal ini juga mencerminkan penerusan nilai-nilai tradisional di kawasan Nusantara seperti toleransi dan harmoni sebagai pengasas utama untuk hidup berdampingan secara damai dan selesa.

⁴ Bhineka Tunggal Ika bermakna walaupun terdiri daripada pelbagai kaum namun tetap satu bangsa iaitu bangsa Indonesia, dengan bahasa yang satu iaitu bahasa Indonesia.

⁵ Peribumi secara kebudayaan bermakna bahawa bangsa Indonesia sebagai penduduk peribumi Indonesia mempunyai budaya yang pelbagai yang di bawa oleh generasi sebelumnya ke generasi seterusnya.

⁶ Bukan peribumi secara kebudayaan, maknanya adalah bukan penduduk peribumi Indonesia yang sudah ada di Indonesia daripada generasi sebelumnya. Mereka merupakan penduduk pendatang yang telah menetap di Indonesia dan sudah berlangsung pada beberapa generasi dan memiliki kebudayaan yang sedia ada daripada nenek moyangnya.

Pemerintah Indonesia telah menetapkan Undang-undang (UU) No. 12 tahun 2006 tentang kewarganegaraan Indonesia. Satu daripada isinya ialah menempatkan posisi orang asing seperti kaum Tionghoa dalam persamaan dan kesetaraan dengan warganegara lainnya dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Nilai yang terkandung dalam undang-undang tersebut ialah menetapkan kumpulan asing sama dengan dan setara kedudukannya dengan Kumpulan Negara Indonesia (WNI) lainnya dalam undang-undang dan pemerintahan.

Akhirnya, seperti yang disampaikan oleh Presiden Republik Indonesia, Susilo Bambang Yudoyono (tempoh pemerintahan 2004-2009) dalam pidato sambutan perayaan Imlek Nasional di Senayan, Jakarta pada tarikh 18 Februari 2008:

“Khasnya pada masyarakat Tionghoa keturunan yang menempati populasi yang paling besar dibandingkan dengan kumpulan asing lainnya agar dapat berasimilasi dengan peribumi tempatan. Oleh sebab kenyataan menunjukkan bahawa fenomena asimilasi atau peleburan belum sepenuhnya terlaksana secara nyata dalam bentuk rasa kepunyaan, rasa tanggung jawab dan penyertaan (*sense of belonging, sense of responsibility dan sense of participation*) daripada orang berketurunan Tionghoa dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara. Beliau meneruskan bahawa suatu hal yang patut diberikan perhatian oleh pemerintah Indonesia telah mensosialisasikan penerimaan masyarakat dengan menetapkan ‘Imlek’ sebagai hari cuti kebangsaan. Kemudian agama Kong Hu Chu telah diperakukan negara. Bahkan dalam aspek politik-budaya pemerintah telah memberikan kebebasan berekspresi untuk mendirikan parti politik (Parti Tionghoa Indonesia) serta disahkan untuk menerbitkan akhbar dan penerbitan lainnya yang beraksara Tionghoa”.

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan latar belakang di atas, penulis sadar bahawa secara sengaja atau tidak sengaja kaum Tionghoa merupakan subjek ketidakadilan, diskriminasi dan lain sebagainya. Namun secara praktikalnya, untuk menyatukan ideologi pelbagai budaya di Indonesia adalah tidak mudah. Hal ini disebabkan setiap individu/masyarakat manapun memiliki persepsi budaya berbeza yang diamalkannya. Penulis mengakui bahawa untuk mengubah persepsi terhadap kaum Tionghoa yang semulajadi sukar sebab stereotaip yang terbentuk sudah buruk sehingga belum apa-apa sudah berprasangka yang tidak baik. Impaknya menyebabkan adanya jarak sosial dan menghindari untuk berkomunikasi dengan kaum Tionghoa (www.15meh.blogspot.com: Jarak Sosial Antara Tionghoa dengan Peribumi). Kalaupun komunikasi berlangsung disebabkan adanya kepentingan-kepentingan. Organisasi sosial seperti keluarga dan pendidikan menambah pengalaman budaya penulis dan mengubah pandangan dunia terhadap kaum Tionghoa sehingga saat ini berasa selesa dalam berinteraksi dan berkomunikasi.

Alasan pemilihan lokasi bandar Medan, pertamanya penulis lahir dan besar dari Medan dan bermukim di bandar Medan. Fenomena- fenomena sosial perkauman jelas teramati sebab penulis juga merupakan bahagian daripada masyarakat peribumi tersebut yang juga kerap berinteraksi dengan pelbagai kaum. Walhal ini lebih memudahkan pada penulis untuk melakukan pengajian.

Keduanya, senarai arkib penemuan kajian sebelumnya seperti oleh Subanindyo (2006:26) yang bertajuk "*Konflik Etnik di Indonesia: Kajian Kes di Bandaraya Medan*" mendapati :

"Tidak terdapat dominasi kaum dan budaya tertentu dan fenomena pelbagai budaya di Medan Sumatera Utara merupakan suatu hal yang unik. Budaya asal seperti Melayu dan Batak Karo berkecenderungan terhad. Komuniti kaum Tionghoa dan/atau keturunannya sebenarnya terbentuk kemudian. Meskipun masyarakat kaum Tionghoa tidak juga dominan, tetapi mereka mampu membentuk budaya yang signifikan pengaruhnya bagi masyarakat bandar Medan. Interaksi antara kaum Tionghoa dengan peribumi masih sukar berlangsung hingga kini di Medan. Ciri-ciri nyata ialah adanya kecenderungan yang kuat daripada setiap kaum untuk mempertahankan identitinya seperti dalam menggunakan bahasa asalnya apabila berjumpa dengan ahli kumpulannya (dalam kumpulannya), berasa kaumnya lebih baik berbanding kaum lain. Oleh itu, masing-masing kaum berkecenderungan memandang norma dan nilai-nilai kumpulan budayanya (organisasi sosialnya) sebagai sesuatu yang mutlak dan dapat digunakan sebagai acuan untuk mengukur dan bertindak terhadap kumpulan kebudayaan lain.

Sementara itu, data daripada Balai Pusat Statistik (BPS, 2009) Sumatera Utara menunjukkan bahawa populasi masyarakat bandar Medan yang berjumlah 2.083.152 orang, dengan keluasan daerah 265,10 km dan jumlah kepadatan penduduk 7.860 orang per km, masyarakat kaum Tionghoa menduduki posisi ketiga terbesar dengan jumlah angaran 202.839 orang (25% daripada jumlah populasi). Bahkan ada satu kawasan hampir 100% dihuni oleh kaum Tionghoa iaitu di Qoryah Sukaramai II Mukim Medan Area (Sumber: Pemerhatian penulis pada Januari 2007). Apabila hal ini tidak diambil kira mulai sekarang, dikuatiri interaksi komunikasi antara budaya dalam kaum yang berbeza budaya mengalami halangan dan berkecenderungan berkembang adalah komunikasi antara kumpulan masing-masing.

Selanjutnya, disokong dengan penemuan kajian penulis sebelumnya meskipun tidak tergolong baru namun dapat menjadi referensi tambahan untuk

melihat interaksi antara kaum Tionghoa dan peribumi di bandar Medan dari masa ke masa. Seperti halnya kajian Sentosa Tarigan, *et al.* (1992) yang bertajuk “*Integrasi masyarakat Etnik Cina di Kotamadya Medan (Satu Kes di Kelurahan⁷ Petisah Tengah, Kecamatan Medan Barat)*”, mendapati bahawa:

“Rumusan dasar politik kolonial Belanda menyebabkan sukarnya integrasi masyarakat Tionghoa ke dalam kumpulan bangsa Indonesia sehingga hubungan menjadi tidak harmoni. Kes di Qoryah Petisah Tengah Medan menunjukkan bahawa kaum Tionghoa masih bersikap eksklusif dan kurang mahu bergaul dengan peribumi. Impaknya dengan adanya jarak sosial ini, maka interaksi komunikasi di antaranya tidak berkesan. Untuk mengikhtiarkan pengintegrasian tersebut kaum Tionghoa disarankan agar benar-benar sedar dan mahu menjadikan dirinya sebagai orang Indonesia (dalam Agustrisno, 2007: 46)”.

Subanindyo (1994:248-249) dengan tajuk “*Kajian Tentang Masalah Tionghoa di Indonesia (Kajian kasus Di Medan)*” menemukan bahawa:

“Meskipun Garis Besar Haluan Negara (GBHN) 1988 telah mengatur dasar peleburan terhadap pelbagai kaum, namun tetap sahaja orang Tionghoa di Medan masih belum mahu untuk menjadikan dirinya sebagai orang Indonesia. Sebaliknya dalam kalangan peribumi juga berperilaku yang sama seperti masih belum dapat menerima bahawa sesungguhnya kumpulan Tionghoa sudah menjadi kumpulan negara Indonersia. Walhal persepsi orang Tionghoa terhadap dirinya sendiri dan kaum peribumi lain (Jawa, Melayu, Batak, Mandailing, Karo, Minangkabau dan Aceh), membuktikan bahawa masih terdapat sikap yang salah seperti: curiga, cemburu serta sikap eksklusif yang datangnya daripada masyarakat Tionghoa itu sendiri mahupun masyarakat peribumi lainnya disebabkan tiadanya sikap terbuka antara sesama kaum tersebut

Manakala Rajab Lubis (1995:87-90) dengan tajuk “*Pribumi di mata Orang Tionghoa Medan*” menemukan bahawa:

⁷ Kelurahan= Qoryah ; Kecamatan= Mukim ; Kabupaten= Daerah ; Provinsi= Negeri

“Interaksi antara kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan belum mencapai peringkat hubungan yang akrab, walaupun tidak sampai pada peringkat tidak rapat. Interaksi komunikasi antara budaya lebih berkesan dengan sesama ahli kumpulan kaumnya. Jika ada yang ditemui hanyalah interaksi komunikasi antara kaum yang berbeza budaya, keadaan ini tidak lebih daripada situasi yang bersifat formal. Masing-masing kaum belum menunjukkan sikap terbuka untuk menerima satu sama lain dalam kehidupan sehari-hari. Bahkan ditemukan juga usaha asimilasi daripada kumpulan kaum Tionghoa Medan perlu dipertingkatkan kerana ada kecenderungan hidup yang eksklusif daripada generasi tua terus diwarisi oleh generasi muda”.

Suwardi Lubis (1997:319), dengan tajuk “*Integrasi Sosial dan Komunikasi Antarbudaya di Kalangan Etnik Batak Toba dan Etnik Tionghoa Hokkian di Kota Medan Provinsi Sumatera Utara*” menemukan bahawa:

“Interaksi kaum Batak Toba dengan kaum Tionghoa di bandar Medan menunjukkan kualiti komunikasi antara budaya lebih berkesan antara kaum yang sama kumpulan berbanding kaum yang berbeza budaya (luar kumpulannya). Perubahan kesan komunikasi antara budaya antara kaum yang berbeza budaya disebabkan oleh stereotaip, jarak sosial dan sikap diskriminasi antara kaum tersebut”.

Seterusnya Suwardi Lubis (2001) , mengatakan bahawa:

“Integrasi sosial antara kaum di bandar Medan masih diwarnai adanya unsur-unsur prasangka sosial, stereotaip dan adanya jarak sosial. Setiap kaum tetap mempertahankan norma dan nilai-nilai kaumnya, tetapi secara terbuka juga mahu menerima norma dan nilai positif daripada kaum lain. Peranan kaum memang tidak menonjol, namun ‘rasa aku’ yang menganggap superior daripada ‘rasa awak’ yang lainnya (dalam Agustrisno, 2007: 47)”.

Bainus (2001), dalam bukunya yang bertajuk “*Ancaman Desintegrasi Bangsa dan Pelaksanaan Otonomi Daerah di Indonesia*” , mengatakan bahawa:

“Ketiadaan dominasi budaya pada kumpulan kaum tertentu di Medan, menyebabkan seperti penggunaan bahasa Tionghoa (Hokkien, sesekali Mandarin) dirasakan sebagai hak, sebagaimana halnya dengan bahasa Minang, bahasa Batak, bahasa Jawa, bahasa Aceh dan lain-lain yang disengajakan mahupun tanpa disedari oleh

peribumi turut membuka peluang untuk menggunakan bahasa daerahnya dalam kumpulannya. Sesama kaum Tionghoa yang bermukim di pelbagai kawasan lain di Indonesia memberi jolokan kepada kaum Tionghoa di Medan dengan sebutan Cina Medan (dalam Subanindyo, 2006: 4-5)".

Berdasarkan huraian-huraian di atas, penulis semakin berkeinginan untuk melakukan kajian persepsi budaya. Oleh sebab untuk mengubah persepsi budaya masyarakat kaum Tionghoa mahupun peribumi yang sudah berakar umbi daripada generasi ke generasi menjadi sebuah pandangan atau kepercayaan, nilai-nilai budaya dan terlihat dalam perilaku sehari-hari bukanlah suatu hal yang mudah. Menurut penulis diperlukan suatu usaha dan ikhtiar yang berterusan seperti peranan keluarga, pendidikan di sekolah, penggunaan bahasa yang difahami antara kedua-dua kaum dan penambahbaikan sistem dasar pemerintah. Faktor- faktor inilah yang akan menjadi sorotan dalam kajian ini.

Sebagaimana yang cuba penulis rakamkan dari para pakar komunikasi antara budaya bahawa dalam mempelajari komunikasi antara budaya kita harus mengangggap orang yang berbeza budaya yang terbabit dalam komunikasi sebagai orang yang aktif, mempunyai nilai, perasaan, harapan, minat, keperluan dan lain-lain seperti diri kita sendiri. Bahkan dalam berkomunikasi dengan orang yang berbeza budaya, kita harus membuat pertimbangan yang sewajarnya tentang nilai atau keputusan sementara kerana apa-apa yang kita anggap baik, sopan, indah atau tidak baik belum tentu ditafsirkan sama dalam budaya yang lain, bahkan boleh jadi menghasilkan satu pandangan yang lain. Persepsi yang terbentuk antara manusia tidak selalunya sama dalam menilai sesuatu hal. Kalau hal ini tidak difahami oleh individu-individu yang berinteraksi dengan latar belakang budaya yang berbeza akan menimbulkan halangan dalam berkomunikasi (Samovar, *et al.* 2006, 2007; Mary

Jane Collier, 2003; Andersen, 2003; Gudykunst dan Kim, 1992, 2003; Tubb dan Moss, 1996; Sarbaugh L.E, 1988; Mulyana dan Rakhmat, 2000; Purwasito, 2003; Alo Liliweri, 2001, 2003; Dedy Mulyana, 2001, 2004).

I.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan huraian-huraian di atas, persoalan kajian seperti berikut:

1. Adakah faktor pandangan dunia yang berperanan dalam mengubah persepsi budaya masing-masing kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan terhadap kelangsungan interaksi komunikasi antara budaya?
2. Adakah faktor organisasi sosial/institusi seperti keluarga, pendidikan dan dasar pemerintahan berperanan mempengaruhi persepsi budaya yang telah terbentuk antara kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan sehingga interaksi komunikasi antara budaya dapat berterusan dan harmoni?
3. Adakah faktor bahasa merupakan masalah yang mempengaruhi interaksi komunikasi antara budaya antara kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan?

I.4 Objektif Kajian

1. Untuk mengenal pasti sama ada kepercayaan/agama, nilai-nilai dan perilaku yang mengubah pandangan dunia kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan sehingga memudahkan interaksi komunikasi antara budaya antara kumpulan kaum tersebut.

2. Untuk mengenal pasti peranan keluarga sebagai sebuah organisasi tidak formal yang berpengaruh dalam kelangsungan interaksi komunikasi antara budaya antara kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan, Sumatera Utara.
3. Untuk mengenal pasti peranan institusi pendidikan dalam mempengaruhi persepsi kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan agar kelangsungan interaksi komunikasi antara budaya antaranya berterusan.
4. Untuk mengenal pasti keberkesanan bahasa yang digunakan dalam penyampaian mesej antara kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan, Sumatera Utara agar interaksi komunikasi antara budaya tidak mengalami halangan.
5. Untuk mengenal pasti sama ada peraturan-peraturan pemerintahan yang berkaitan kewarganegaraan mempengaruhi interaksi komunikasi antara budaya yang harmoni antara kaum Tionghoa dengan peribumi di Medan Sumatera Utara.

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk dijalankan kerana beberapa hal iaitu:

1. Diharapkan kajian ini dapat menambah kepelbagaian kajian komunikasi antara budaya di universiti-universiti di Indonesia, Malaysia dan antara negara. Khususnya untuk kegunaan para penulis, pensyarah dan pelajar-pelajar di universiti manapun yang ingin menggalakkan kajian-kajian

komunikasi antara budaya, terutama sekali yang berkaitan dengan persepsi budaya.

2. Diharapkan kajian ini dapat menjadi pedoman dalam membina interaksi komunikasi antara budaya yang berterusan dan harmoni antara kaum yang ada di Indonesia, khususnya kaum Tionghoa dengan peribumi di kawasan lain di Sumatera Utara dengan kepelbagaian budaya. Oleh sebab halangan dalam berkomunikasi dapat menyebabkan kesalahan dalam mempersepsi, kegagalan memahami mesej dengan teliti dan lain-lain.
3. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan panduan kepada Pemerintah Negeri Sumatera Utara untuk memudahkan dialog-dialog antara Masyarakat kaum Tionghoa dengan peribumi yang ada di Medan agar tetap terjaga perhubungan komunikasi yang harmoni pada masa hadapan, menjunjung tinggi nilai-nilai budaya pelbagai kaum dan menghargai perbezaan-perbezaan budaya yang ada.

1.6 Batasan Kajian

Penulisan ini membataskan persepsi budaya yang mempengaruhi interaksi komunikasi antara budaya individu daripada kepelbagaian budaya iaitu antara kaum Tionghoa dengan peribumi di bandar Medan sahaja. Kajian ini menggunakan pendekatan teori komunikasi antara budaya dan persepsi budaya. Penulis tidak bertujuan membincangkan masalah kelas sosial dan juga tidak membincangkan peranan akhbar dalam interaksi komunikasi pelbagai kaum sebab elemen tersebut tidak terdapat dalam teori persepsi budaya .

Kaedah penulisan melalui kaedah deskriptif kualitatif dengan kajian kes. Dalam menjalankan pengajian penulis menggunakan penggabungan pendekatan pemahaman fenomenologi dan postpositivisme, dengan melihat fenomena sebagai kenyataan nyata dan tidak terasing satu sama lain melainkan selalu berhubungan secara dialektik yang menilai kebenaran teori atau pendapat secara perbincangan dan perdebatan (Bungin, 2008:68).

Kajian kes dimaksudkan penulis ialah mengadakan penelusuran (eksplorasi) berdasarkan kes demi kes yang sesuai dengan persoalan kajian yang ada. Penulis berikhtiar memperoleh maklumat yang sebanyak mungkin daripada para informan yang bermukim di bandar Medan dengan menggunakan kaedah temubual secara terperinci, analisis arkib dan pengamatan berperanan. Analisis data disajikan dalam bentuk naratif induktif iaitu kes demi kes berdasarkan kategori-kategori yang telah dirumuskan. Setelah itu, penulis membangunkan dan menjelaskan teori melalui teknik triangulasi untuk memperoleh hasil yang dapat diandalkan (Patton, 1990; Moleong, 2000; Bungin, 2008:71).

1.7 Ringkasan Bab

Dalam kajian ini ada terdapat enam bab, iaitu dalam bab satu akan dihuraikan tentang pengenalan terhadap subjek yang mencakupi latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian dan skop kajian.

Bahagian bab dua ini dihuraikan tentang gambaran dan posisi kaum Tionghoa di Indonesia dari awal kedatangannya dengan pelbagai persoalan yang dialami sehingga kepada dasar pemerintah Indonesia dalam hubungannya dengan kaum Tionghoa di Indonesia dan gambaran lokasi penyelidikan.

Dalam bab tiga pula akan dihuraikan mengenai kajian lepas, kerangka teori yang meliputi komunikasi antara budaya, persepsi budaya dan elemen-elemen yang membentuknya serta dasar pemerintahan Indonesia yang berkaitan dengan kewarganegaraan kaum Tionghoa. Pada bab ini juga dijelaskan kerangka konsep, kerangka kerja penyelidikan/ kerangka analisis dan andaian-andaian.

Bab empat pula dihuraikan tentang kaedah kajian, populasi, unit analisis, masa penulisan, definisi operasional, teknik pengumpulan data, teknik pengolahan data dan analisis.

Pada bab lima dihuraikan tentang hasil penemuan kajian penulisan yang disusun berdasarkan kategori-kategori dan perbincangan.

Bab terakhir iaitu bab enam, merupakan bab penutup. Pada bab ini kesimpulan penemuan kajian, implikasi penyelidikan serta cadangan penyelidikan akan dihuraikan.

BAB 2

POSISI KAUM TIONGHOA DI INDONESIA DAN LOKASI PENYELIDIKAN

2.0 Pengenalan

Bahagian ini membahaskan gambaran peribumi dan posisi kaum Tionghoa di Indonesia dari awal kedatangannya dengan pelbagai persoalan yang dialami sehingga hari ini. Tinjauan ini penting untuk membolehkan pembaca lebih mengenali secara dekat masyarakat Tionghoa di Indonesia dengan bilangan kaum yang bermukim di seluruh Negeri di Indonesia.

2.1 Awal Kedatangan Kaum Tionghoa di Indonesia

Orang Tionghoa sudah ada di Indonesia sejak abad ke-7 Masehi. Sebagai pendatang dalam sebuah masyarakat, orang Tionghoa dan Arab dalam sejarah migrasi di kepulauan Nusantara pada umumnya berkecenderungan hidup dan menetap di kawasan bandar. Di bandar itulah mereka dapat menyesuaikan diri secara lebih baik sebagai tenaga buruh atau peniaga. Oleh yang demikian, tidak perlu berurusan dengan hak-hak rasmi (hak-hak wilayah) atau adat yang berkenaan dengan pengolahan dan pemilikan tanah atau hutan yang menjadi hak utama masyarakat kaum tempatan (Suparlan, 2003: 29 ; Siauw Tiong, 1998: 9).

Kaum Tionghoa yang telah dan terus datang selama berabad-abad ke pelbagai wilayah di Indonesia menempati posisi sebagai 'tamu' dengan prinsip yang harus ditaati iaitu di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung. Prinsip ini berlaku untuk

semua pendatang yang harus dijadikan pedoman. Boleh dikatakan pada masa lampau hampir dapat tidak ada konflik antara masyarakat kaum tempatan dengan kaum Tionghoa.

Hubungan perkahwinan lelaki Tionghoa dengan perempuan peribumi setempat telah menyebabkan berubahnya status tamu menjadi kerabat. Bahkan sebahagian besar daripada mereka telah terasimilasi menjadi orang tempatan kerana meninggalkan ciri-ciri kaum Tionghoanya, bertukar kepercayaannya kepada agama Islam dan mengamalkan jati diri kaum tempatan serta kebudayaannya. Tetapi sebahagian lagi masih mempertahankan perkaumannya dan tetap mempertahankan keyakinan Konghucu yang menekankan pentingnya hubungan ritual dengan nenek moyang, penggunaan bahasa asalnya di dalam keluarga dan kehidupan sehari-hari serta hidup dalam komuniti mereka sendiri. Di Jakarta mereka dikenali sebagai 'Cina Benteng'. Di kawasan bandar Jawa, mereka berkecenderungan hidup dalam kumpulannya sehingga kawasan tersebut dikenali dengan nama 'Pecinan', yang bukan hanya sebagai tempat bermukim tetapi juga menjadi tempat berniaga iaitu kedai runcit serta aktiviti lain (Suparlan, 2003: 28-29).

Pada masa Belanda tiba di Indonesia, iaitu pada abad ke-16, kaum Tionghoa peranan telah memainkan peranan penting dalam perniagaan antarabangsa seperti antara Tiongkok-Indonesia dan India-Indonesia serta di tempat-tempat lain. Di dalam negara Indonesia juga, kaum Tionghoa memegang peranan penting dalam pembahagian hasil-hasil bumi rakyat di kawasan desa dapat masuk ke bandar-bandar, dan sebaliknya barang-barang dari bandar dapat masuk ke desa. Pada masa

ini masih kelihatan antara kaum Tionghoa dengan peribumi 'hidup bersama dengan harmoni', saling membantu dan tidak ada prasangka ras (Siauw Tiong, 1998: 9).

Hal tersebut menjadi bukti sejarah yang telah mengukir prestasi baik tentang hubungan antara masyarakat Tionghoa dengan peribumi yang perlu disosialisasikan pada masa hadapan. Antaranya adalah:

1. Nenek moyang bangsa Indonesia pernah hidup dengan rukun dengan bangsa lain yang menetap dan menjadi penduduk Nusantara. Hampir ribuan tahun silam penduduk Nusantara membuahkanya karya pembuatan batu bata dan atap genting yang digunakan untuk membuat rumah. Kehidupan bersama yang damai juga menelurkan penggunaan jarum untuk membuat pakaian dan menghasilkan cucuk tanam dan pengelolaan padi secara lebih efisien untuk kelangsungan hidup (Adam, 2002 dalam Akhbar Tempo 12 Februari).
2. Kerjasama yang harmoni untuk mengusir penjajah dari muka bumi Nusantara juga terlihat dalam Perang Jawa (1825-1830). Dalam perang ini, Tan Djin Sing secara aktif membantu Pangeran Diponegoro antara lain dengan memberikan sumbangan dana, kuda kesayangannya untuk Pangeran Diponegoro dan melatih para pemimpin pasukannya dengan ilmu bela diri (Setiono, 2006).
3. Para pendahulu bangsa Indonesia sebelum merdeka telah bekerjasama secara harmoni untuk menyatukan Indonesia moden di bawah Satu Nusa, Satu Bangsa dan Satu Bahasa Indonesia pada tarikh 28 Oktober 1928. Kwee Thiam Hong (Daud Budiman), Ong Khai Siang, Jong Liaw Thoan

Hok, Thio Jin Kwee dan Muhammad Chai terbabit dalam Sumpah Pemuda (Wijayakusuma, 1999 dalam Tabloid Suar, Mei).

4. Akhbar Sin Po untuk pertama kalinya menerbitkan lirik lagu Indonesia Raya dan mempropagandakan penggunaan nama 'Indonesia' untuk menggantikan 'Hindia Belanda' (Wijayakusuma, dalam Tabloid Suar, 3 Mei 1999).
5. Kita juga menjalin kerjasama dengan para pendatang dari luar untuk membina galangan (tempat membaiki kapal dan perahu di darat) kapal perang dan merakit teknologi bahan peledak dan meriam secara bersama. Oleh sebab itulah, nenek moyang kita berjaya menyatukan Nusantara di bawah kerajaan Majapahit (Yuanzhi, 2005: 402-427).
6. Melalui kerjasama dengan Laksaman Cheng Ho dan para Walisongo, Islam memasuki bumi Nusantara. Pada kesempatan itu pula, para wali, antaranya Sunan Bonang (Bong Ang), Sunan Kalijaga (Gan Si Cang), Sunan Ampel (Bong Swi Hoo) dan Sunan Jati (Toh A Bo), mendirikan kerajaan Islam pertama di Demak. Sultan pertama kerajaan Islam Demak, Raden Patah yang juga dikenali sebagai Jin Bun atau Cek Ko Po (Yuanzhi, 2005: 27-30).
7. Para pendahulu bangsa Indonesia sebelum merdeka telah bekerjasama secara harmoni untuk menyatukan Indonesia moden di bawah Satu Nusa, Satu Bangsa dan Satu Bahasa Indonesia pada tarikh 28 Oktober 1928. Kwee Thiam Hong (Daud Budiman), Ong Kay Siang, Johng Liauw Tjoan Hok, Tjio Jin Kwie dan Muhammad Chai terbabit dalam Sumpah Pemuda (Jahja, 2002: 39).

8. Liem Koen Hian dan Oei Tjong Hauw diangkat sebagai anggota Badan Penyelidik Usaha-usaha Kemerdekaan Indonesia (BPKI) yang dipimpin oleh Sukarno-Hatta pada tahun 1942 (Suryadinata, 1984: 55).
9. Liem Koen Hian, Oei Tjong Hauw dan Tan Eng Hoa juga terbabit aktif dalam merumuskan Undang-Undang Dasar Negara RI pada tahun 1945 (Suryadinata, 1984: 55).

Sejak zaman kolonial Belanda, kaum Tionghoa selalu dikenali sebagai tali barut Belanda dalam ikhtiar politik pecah belah atau politik belah buluh (*divide et impera*) dalam menghadapi masyarakat peribumi melalui bidang ekonomi. Orang Tionghoa dianggap Belanda sebagai mitra perniagaan domestik dan oleh itu diberikan peluang untuk menguasai strata perniagaan kelas menengah, sedangkan orang Belanda dan Eropah lain menguasai lapisan kelas teratas yang meliputi eksport-import, kewangan (perbankan) dan bidang pembinaan. Selain itu pemerintah kolonial Belanda dapat memanfaatkan kedudukan orang Tionghoa sebagai penyangga (*buffer*) antara orang Eropah dengan peribumi. Dalam posisi seperti ini, orang Tionghoa berasa setingkat lebih tinggi daripada peribumi dan harus puas berada pada lapisan bawah dalam piramid masyarakat peniaga ciptaan Belanda. Dengan yang demikian, ada kecenderungan secara sosial terciptanya pemisahan diri dengan masyarakat peribumi, termasuk dalam pendidikan anak-anak Tionghoa (Pelly, 2003: 34-35).

Pada zaman pemerintahan Belanda, orang Tionghoa bersama dengan orang Arab, secara undang-undang digolongkan sebagai orang Timur Asing. Oleh sebab